

## KERATAN AKHBAR

TARIKH : 19 NOVEMBER 2022  
AKHBAR : BERITA HARIAN  
MUKA SURAT : 24

### Ambank Research unjur pertumbuhan ekonomi suku ke-4 sehingga 8 peratus

## Ambank Research unjur pertumbuhan ekonomi suku ke-4 sehingga 8 peratus

**Ambank Research** mengunjurkan pertumbuhan ekonomi Malaysia bagi 2022 berada pada 8.5 hingga 9 peratus dengan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) suku keempat diunjur berkembang sekitar enam hingga lapan peratus.

Agensi penyelidikan itu dalam satu nota penyelidikan berakata, pertumbuhan berkenaan akan disokong terutamanya daripada penggunaan swasta, perdagangan luar dan kesasas rendah.

Bagaimanapun, bagi 2023, ia mengunjurkan pertumbuhan per-

lahan pada 4.5 peratus apabila risiko negatif menjadi semakin ketara.

KDNK Malaysia mencatatkan pertumbuhan kukuh pada 14.2 peratus tahun ke tahun pada suku ketiga 2022 berbanding 8.9 peratus pada suku kedua 2022, kadar pertumbuhan tertinggi yang direkodkan sejak suku kedua 2021 iaitu pada 15.9 peratus.

Bagi penawaran pula, sektor perkhidmatan meningkat sebanyak 16.7 peratus pada suku ketiga berbanding 12 peratus pada suku kedua, pembuatan naik

13.2 peratus daripada 9.2 peratus pada suku kedua, manakala perlombongan dan pengkuarian melonjak kepada 9.2 peratus daripada penguncupan 0.5 peratus.

Eksport berkembang pesat sebanyak 23.9 peratus pada suku ketiga berbanding 10.4 peratus pada suku kedua disokong oleh permintaan kukuh terhadap produk elektrik dan elektronik (E&E) manakala import meningkat sebanyak 24.4 peratus berbanding 14.0 peratus pada suku sebelumnya.

Bagaimanapun, lebihan perdagangan menyusut sebanyak

32 peratus tahun ke tahun kepada RM18.09 billion.

Keseluruhan inflasi Malaysia pada September meningkat 4.5 peratus berbanding 4.7 peratus pada Ogos manakala bagi asas bulanan, angka inflasi menyederhana kepada 0.1 peratus bulan ke bulan.

Pengangguran merekodkan kadar rendah pada 3.6 peratus, turun 0.1 peratus berbanding 3.7 peratus pada Ogos 2022.

Indeks Pengeluaran Perindustrian meningkat sebanyak 10.8 peratus pada September

BERNAMA

